

04/08/1999

`Seabad Malaysia' bangkitkan patriotik

PUTRAJAYA, Selasa - Perayaan Seabad Malaysia Ke Alaf Baru akan dilancarkan akhir Ogos ini untuk membangkitkan rasa cinta rakyat terhadap negara, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, perayaan itu adalah saluran untuk memberitahu masyarakat dunia bahawa Malaysia sudah bersedia menjadi negara maju dan menghadapi cabaran alaf baru.

"Konsep yang diketengahkan dalam perayaan ini adalah berlandaskan kepada nilai agama dan budaya masyarakat tempatan.

"Ia adalah perayaan dan sambutan Malaysia yang berteraskan kepada kejayaan politik, ekonomi, sosial dan budaya sepanjang tempoh 100 tahun lalu," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, dan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab sektor pelancongan.

Perayaan itu akan disambut selama dua tahun bermula September ini hingga Ogos 2001, bermula dengan pelancaran rasmi secara besar-besaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Bukit Jalil pada 30 Ogos ini.

Pelancaran itu adalah serentak dengan sambutan Hari Kebangsaan bertema Bersatu Ke Alaf Baru, yang menjadi agenda terpenting bagi mencapai matlamat dan wawasan negara menuju negara berteknologi tinggi.

Abdullah berkata, pelancaran itu akan dianjurkan serentak di ibu negara dan semua negeri yang akan dihubungkan menerusi persidangan video secara lintas langsung.

Katanya, Dr Mahathir akan memasukkan satu perutusan khas kepada generasi akan datang dalam kapsul masa yang akan dibuka pada 30 Ogos 2099.

Timbalan Perdana Menteri berkata, antara objektif utama perayaan itu ialah meningkatkan kesedaran dan semangat cintakan negara sendiri di kalangan rakyat berbilang kaum serta budaya.

"Ia bertujuan meningkatkan kesedaran dan perhatian masyarakat dunia terhadap pencapaian bangsa Malaysia.

"Program ini juga untuk menerapkan nilai dan budaya melancong di kalangan rakyat Malaysia dengan menikmati keindahan negara sendiri," katanya sambil menambah ia sekali gus meningkatkan industri pelancongan negara.

Bagi menjayakan perayaan, sebanyak 19 program sudah disusun termasuk perayaan Hari Kebangsaan 1999, Bulan Bahasa dan Sastera Negara, Pesta Malaysia, Perarakan Citra Warna Malaysia, Karnival Membeli-Belah, Perlumbaan Formula One, Kejohanan Golf Piala Dunia dan Le Tour De Langkawi.

Antara acara utama yang baru pula ialah perhimpunan pelancongan kebangsaan, Festival Warisan dan Budaya Malaysia serta Pembinaan Tugu Peringatan 100 Tahun Malaysia.

(END)